

Dua konsep untuk hadapi cabaran 80-an — Dr Ling

KUALA LUMPUR, Ahad — Konsep Pengswastaan dan Persyarikatan Malaysia adalah sebagai pe-sediaan negara untuk menghadapi cabaran tahun 80-an, kata Tim-balan Menteri Ke-wangan, Datuk Dr Ling Liong Sik hari ini.

Untuk menjayakan matlamat itu, katanya, sektor awam dan swasta mesti bekerjasama untuk melicinkan setiap usaha dan teknik penge-luaran bagi membole-hkan negara bersaing di masa akan datang.

Kerajaan mengakui bahawa sektor swasta adalah barisan depan da-lam menggalakkan eksport negara.

"Setiap dasar dan ran-cangan memerlukan sokongannya," katanya lagi.

Datuk Dr Ling menya-takan demikian dalam kertas kerjanya di Semi-nar 'Ke arah Era Baru Ekonomi' anjuran MCA Wilayah Persekutuan, di sini hari ini.

Bellau menjelaskan, keadaan kemelesetan du-nia hari ini adalah jauh dari memuaskan.

Katanya, apa yang je-las dari pandangan anta-rabangsa ialah tahun 80-an akan menyulitkan lagi perdagangan antara-bangsa berbanding dengan tahun 70-an.

Kesannya masalah pengangguran di negara perindustrian dan dasar perlindungan akan menyulitkan lagi pasa-ran keluaran negara.

Bellau berkata, kesan dari analisa itu adalah jelas bahawa untuk mengekalkan pertumbu-han dagangan, kerajaan mestilah lebih produktif, membuat perubahan baru dan sedia bersaing.

Dalam hubungan ini, Datuk Dr Ling mene-gaskan konsep pengswastaan dan per-syarikatan Malaysia ha-rualah benar-benar difa-hami.

Untuk membolehkan negara menghadapi ca-baran di masa depan, ke-dua sektor awam dan swasta mestilah bekerja sama untuk melicinkan usaha dan teknik penge-luaran bagi membole-

kan kerajaan mampu bersaing.

Bellau yakin, dengan tenaga kerja yang adu dan kemampuan mereka menerapkan teknologi baru di tambah dengan baha-s mentah yang ada, kera-jaan akan dapat melak-sanakannya dengan ber-jaya.

Bagaimanapun, sektor swasta hendaklah sama sama menghadapi cabaran untuk memberi idea baru dan meneroka pas-ran pengeluaran dan pi-saran.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia